

TEKS UCAPAN
Y.BHG. LT.KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
REKTOR KUKUM
SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SIDANG AKADEMIK 2006/2007
PADA 4HB OKTOBER 2006 DI HOTEL HOLIDAY VILLA, ALOR STAR

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff, Timbalan Rektor KUKUM (Akademik Dan Pengantarabangsaan)

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal Timbalan Rektor KUKUM (Penyelidikan Dan Inovasi)

Pegawai-Pegawai Utama KUKUM,

Y.Berusaha En. Shamshul Bahar B. Yaakob, Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar KUKUM

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,Wakil-wakil Media yang Dihormati,

Yang Dihormati Barisan Majlis Perwakilan Pelajar (Baru) Sidang Akademik 2006/2007

Yang Diraikan Barisan Majlis Perwakilan Pelajar (Lama) Sidang Akademik 2005/2006 Dan Hadirin / Hadirat Sekalian

Alhamdulillah bersyukur kita kehadrat Allah SWT di bulan yang mulia lagi penuh keberkatan ini kita sama-sama dapat menyaksikan sekali lagi anak-anak kita di angkat menjadi seorang pemimpin. Malam ini juga menjadi saksi bahawa KUKUM tidak ketandusan pelajar yang boleh menggarap tanggungjawab dalam menjamin kebijakan para pelajar kita terus diperjuangkan dalam segenap aspek.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Mahasiswa sebagai agen perubahan masyarakat yang sangat berpengaruh, suara dan buah fikiran para mahasiswa/i dianggap keramat. Biarpun sepatah perkataan yang dikeluarkan, ia mampu mengubah minda dan tindakan orang-orang disekeliling kita. Mereka memainkan peranan penting dan membantu universiti mencapai visi dan

misinya. Ini terbukti di KUKUM, Majlis Perwakilan Pelajar 2005/2006 yang diketuai oleh Saudara Syed Akhmal Bin Syed Jamalil dan barisan kabinetnya telah menunjukkan satu komitmen tugas dan tanggungjawab yang amat tinggi. Syabas dan tahniah saya ucapan kerana anda semua telah melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh pihak universiti dengan begitu terpuji.

Sejak perlantikan MPP 2005/2006, anda semua telah menjalankan pelbagai aktiviti untuk kebaikan rakan-rakan mahasiswa/i yang lain tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran. Saya amat berbangga dengan komitmen yang telah anda semua tunjukkan. Saya akur ada di antara anda semua terpaksa mengorbankan waktu kuliah, tidur dan cuti demi memastikan tanggungjawab yang diberikan dilaksanakan sesempurna mungkin. Komitmen MPP 2005/2006 sampai ke kemuncaknya bilamana mereka telah diamanahkan untuk menganjurkan Pesta Konvokesyen 2006 sempena Istiadat Konvokesyen Pertama KUKUM yang telah berlangsung pada 22 Julai 2006 yang lalu.

Syabas dan tahniah sekali lagi kerana anda semua telah bertungkus-lumus bersengkang mata mencanai idea penuh cita-cita dalam menjadikan pesta pemasyhuran tersebut sebagai agenda penuh bersejarah bagi universiti ini. Berkat kerja ikhlas, komitmen dan sokongan yang padu, pesta pemasyhuran tersebut telah berlangsung dalam suasana yang penuh gilang-gemilang sehingga mendapat pujian dari pelbagai pihak.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pergi yang lama datang pula yang baru itulah yang dapat saya gambarkan kerana pada malam ini kita akan menyaksikan Kabinet Baru Majlis Perwakilan Pelajar mengangkat sumpah mengaku taat setia kepada Pengurusan Universiti dan membantu universiti untuk mencapai Visi dan Misi

Saya mengharapkan kepimpinan baru MPP akan memberi perhatian yang serius kepada aspek Kebajikan pelajar. Sebarang isu yang berkaitan dengan pelajar hendaklah diambil tahu dan bertindak dengan segera kerana sesungguhnya anda merupakan orang tengah antara pelajar dan universiti. Kami di pihak universiti insyaallah akan berusaha sedaya upaya membantu dalam sebarang masalah yang dihadapi.

*Anak kecil menyorong papan
Sambil termanggu menyisir pelepas
Kini masa menjulang harapan
Pemimpin kepada serumpun amanah*

Dalam ungkapan Melayu, peranan sebagai pemimpin adalah berat:

*Yang diberikan kepercayaan
Yang diberikan kekuasaan
Yang diberikan beban berat
Yang diberikan tanggungjawab
Yang diikat janji dan sumpah
Yang disimpai petua amanah*

Kepada barisan pimpinan MPP yang baru, adalah menjadi hasrat saya dan pihak universiti untuk melihat kesinambungan dan kelangsungan kepimpinan yang dinamik seperti yang pernah dipikul oleh rakan-rakan yang terdahulu.

MPP adalah suara mahasiswa-mahasiswi yang boleh bertindak secara proaktif dalam melicinkan pentadbiran pihak universiti. Bukan dianggap sebagai 'pak turut' semata-mata oleh sesetengah pihak yang berfikiran sempit. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai badan yang bertanggungjawab melaksanakan arahan-arahan yang diberikan oleh pihak universiti malah ia menjadi jambatan penghubung bagi mahasiswa/i dengan pihak pentadbiran universiti.

Pihak universiti tidak pernah menyekat apa jua rancangan yang ingin dimajukan oleh pihak MPP sekiranya ia membawa kebaikan bersama. Idea, cadangan, pandangan mahupun kritikan anda sebagai golongan mahasiswa/i di universiti ini akan diambil kira selagi mana ia tidak bertentangan dengan mana-mana peraturan am undang-undang tubuh universiti, negeri dan juga negara seperti Akta Universiti Dan Kolej Universiti (Auku 1971), Akta Rahsia Rasmi Percetakan (OSA) dan Akta Dalam Negeri (ISA).

Saya amat mengalu-alukan sebarang cadangan dari pihak MPP yang baru ini jika terdapat sebarang gagasan idea. Setiap cadangan yang dimajukan itu nanti akan didalami semasak-masaknya oleh pihak pentadbiran universiti dengan hati yang terbuka.

Pihak universiti amat memerlukan input-input yang positif dari MPP yang mewakili golongan mahasiswa/i secara keseluruhan dalam proses penambahbaikan pentadbiran. Sekiranya MPP bersikap lesu dan tidak proaktif dalam menangani isu-isu yang berbangkit ini bermakna anda yang telah dilantik gagal memainkan peranan yang diamanahkan oleh rakan-rakan yang lain dan gagal berfungsi sebagai agen pemangkin kepada efisyensi pentadbiran universiti.

Gunakanlah peluang yang telah diberikan ini sebaik mungkin. Ingatlah jika anda semua menyalahgunakan peluang yang telah diberikan ini, musibah yang menimpa kelak sudah pasti kepada diri anda sendiri. Walaupun kelak anda semua akan sibuk dengan pelbagai kegiatan dan aktiviti, suka saya ingatkan di sini, jangan lah sekali-kali

anda leka dan lalai. Ada tugas dan tanggungjawab yang lebih penting harus ditunaikan terlebih dahulu iaitu mengalas cita-cita dan harapan setinggi gunung dari keluarga yang tercinta demi melihat kejayaan anak-anak mereka bergelar graduan.

Timbang-timbangkan dan fikir-fikirkan lah dengan penuh hemat bagi menguruskan masa, kuliah, tugas dan aktiviti. Jika terdapat sebarang masalah dalam menguruskan majlis perwakilan pelajar, tanya lah kepada barisan senior yang terdahulu. Pengalaman serta ilmu yang telah dilalui oleh mereka amat berharga bagi anda semua untuk menempuh perjalanan sebuah persatuan yang besar seperti MPP ini di kemudian hari.

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada malam ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada ahli jawatankuasa program pada malam ini kerana telah berjaya memastikan kelancaran majlis.

Terima kasih dan syabas juga diucapkan kepada majlis perwakilan pelajar 2005/2006 kerana telah berjaya menjalankan tugas sebagai badan perwakilan pelajar dengan baik. Bakat kepimpinan yang telah ditunjukkan oleh anda semua dalam tempoh masa setahun harus diberi pujian.

Bantulah majlis perwakilan pelajar yang baru ini sekiranya mereka buntu atau kurang arif dalam menguruskan apa-apa jua aktiviti kerana umum mengetahui bukan mudah mahu mengatur langkah menjadi pemimpin, lebih-lebih lagi bagi sebuah badan pelajar yang mewakili hampir 3000 orang pelajar. Sesungguhnya, tidak terbalaslah kiranya jasa anda semua jika dibandingkan dengan nilaiang wang ringgit, Allah sahajalah yang mampu membalaunya.

*Sejambak bunga tanda penghargaan
Segala budi menjadi ingatan
Terima kasih kami ucapkan
Teruskanlah berjuang mencapai kejayaan*

Akhir kata, wabillahitaufikwalhidayah wassalamualaikum w.b.t.